

27/07/2004

Masa sesuai buat pelaburan: Najib

By Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Pelabur tempatan mesti menjadi pendahulu dan tidak semata-mata sebagai 'pak turut' kepada pelabur asing dalam membuat keputusan pelaburan di negara ini, lebih-lebih lagi ketika pasaran berada dalam kedudukan baik, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, suasana pasaran negara berada dalam keadaan yang ideal untuk diambil kesempatan pengurus dana domestik bagi mendapatkan kelebihan pertama dalam membuat pelaburan.

"Ketika (pasaran) kita mulai matang, adalah perlu bagi pelabur tempatan dan pelabur profesional untuk menjadi pendahulu dengan membuat keputusan berani dalam pasaran.

"Saya percaya ia adalah masa untuk institusi tempatan Malaysia menjadi pendahulu dalam memastikan masa sesuai untuk memasuki pasaran, daripada hanya menjadi pengikut kepada pemain institusi luar negara," katanya menyampaikan ucapan dasar pada persidangan 'MYRinggit Conference' yang dianjurkan bersama ECM Libra dan akhbar mingguan The Edge, di sini, semalam.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik turut membentangkan kertas kerja pada persidangan itu yang disertai 295 pengurus dana dan tokoh korporat tempatan. Turut hadir Pengerusi ECM Libra, Datuk Kalimullah Hassan.

Najib berkata, seperti mana ekonomi kebanyakan negara Asia, Malaysia mempunyai kadar simpanan yang tinggi kira-kira 40 peratus.

Keadaan ini yang disertai dengan rakyat yang sebahagian besarnya tenaga muda adalah pentas baik untuk industri pengurusan dana tempatan.

"Malah, pertumbuhan pesat industri pengurusan dana tempatan dalam beberapa tahun ini menggambarkan bertambahnya kecanggihan dan pengaruh pelabur Malaysia," katanya.

Beliau berkata, masanya sudah tiba untuk melihat semula Malaysia sebagai tempat yang menawarkan peluang luar biasa untuk pelabur sama ada atas dasar merit atau secara perbandingan dengan destinasi pelaburan lain.

Katanya, suasana politik tempatan menyaksikan peralihan lancar kepemimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ia membabitkan perubahan personaliti, tetapi bukan perubahan kerajaan, dan dengan setiap Perdana Menteri baru adalah memang dijangka ada perubahan dalam cara dan penekanan, tetapi bukan dalam prinsip asas yang menjadikan negara ini begitu berjaya sejak kemerdekaan.

Katanya, Barisan Nasional (BN) mencapai kejayaan secara berterusan 47 tahun dengan memenangi 11 pilihan raya umum termasuk memenangi 90 peratus atau 199 kerusi Parlimen pada pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata, mandat besar yang diterima daripada rakyat itu diakui banyak pihak berpunca daripada 'faktor Abdullah', elemen rasa selesa dan keyakinan terhadap kepimpinan Abdullah.

"Bagi orang Islam, mereka bersetuju dengan pandangan sederhana dan progresif Perdana Menteri mengenai Islam. Rakyat Malaysia sudah bersuara dan tanpa ragu-ragu menunjukkan bahawa mereka mahu kerajaan BN yang diketuai oleh Datuk Seri Abdullah untuk membawa negara menempuh masa depan. Jelas kerajaan BN hari ini lebih kuat daripada sebelumnya," katanya.

Katanya, hanya minggu lalu, peringkat akar umbi Umno seluruh negara

melalui mesyuarat perwakilan bahagian parti memberi sokongan besar kepada Abdullah sebagai Presiden yang seterusnya.

"Umno yang kuat, dengan pengganti yang jelas menjadikan BN kerajaan yang kuat dan stabil. Ini memperkukuhkan aliran politik Malaysia yang membawa berita baik bagi pelabur tempatan dan luar negara," katanya.

Ketika sesi soal jawab dengan peserta persidangan itu, beliau berkata, kerajaan akan meningkatkan kadar kecairan di pasaran saham dengan melepaskan sebahagian daripada saham itu secara beransur-ansur bagi menjadikan pasaran saham lebih menarik.

Katanya, kerajaan tidak perlu mempunyai pegangan terlalu banyak dalam beberapa syarikat utama tetapi tiada satu kadar yang tetap yang harus dipegang oleh kerajaan.

Najib juga berkata, semua tender yang telah diberikan sebelum kerajaan melaksanakan sistem tender terbuka tidak akan dibatalkan dengan beberapa projek akan dibincangkan semula, termasuk penswastaaan bekalan air.

"Dalam beberapa projek penswastaaan bekalan air, kita bersetuju untuk berunding semula, bukan membatalkannya... supaya termannya adil kepada kerajaan dan rakyat," katanya.

Katanya, pelaksanaan projek menerusi sistem tender terbuka dilaksanakan kecuali bagi projek yang berkaitan keselamatan.

(END)